

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : PERASMIAN PERSIDANGAN MINI PARLIMEN MALAYSIA KE-ENAM  
Lokasi : DEWAN JUBLI INTAN, JOHOR BAHRU  
Tarikh : 23-08-1988

Yang Amat Berhormat, Encik Muhyiddin Hj.

Mohd. Yassin, Menteri Besar Johor; Dif-Dif Kehormat; Yang Berhormat Ahli-Ahli Mini Parlimen; Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian.

Syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana sekali lagi kita dapat hadir bersama di Majlis yang istimewa ini sempena menyambut Hari Kebangsaan yang ke-31.

Sepertimana yang kita sedia maklum, pada hari ini kita berkumpul di dewan yang indah permai ini untuk menyaksikan sekali lagi bakat dan kemampuan golongan generasi muda kita menghujahkan pendapat dan pandangan mereka dalam Persidangan Mini Parlimen yang ke-enam ini. Majlis kali ini adalah istimewa kerana kesemua ahli parlimennya datang daripada Negeri Johor.

2. Pada hari ini usia Mini Parlimen genap enam tahun.

Selama enam tahun sudah, dapatkah kita memberi perhatian dan pandangan kepada apa yang telah dihuraikan dalam persidangan-persidangan yang lalu, ataupun adakah kita menganggap persidangan yang diadakan setiap tahun sebagai hiburan sahaja? Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Demi penjagaan dan didikan moral yang tinggi di kalangan kanak-kanak kita yang berbilang kaum, saya mengesyorkan supaya kesemua ahli-ahli Parlimen yang lalu, mahupun yang ada sekarang dikumpulkan di sini, agar dapat kita merangka beberapa program dan aktiviti-aktiviti bagi menunjuk-ajar supaya sayangkan dan hormat kepada ibubapa, bangsa, agama dan negara. Ada kemungkinan bahawa di antara ahli-ahli yang terhormat kita ini akan menjadi bakal-bakal pemimpin negara kita pada masa akan datang. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikan bahawa benih bangsa kita ini akan mewujudkan satu masa depan yang cemerlang di mana semua rakyat kita hidup dalam keadaan bersatu, aman, damai, harmoni dan berdisiplin.

4. Kepada pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa kecil Mini Parlimen, saya mengucapkan syabas dan tahniah kerana berjaya sekali lagi mengadakan persidangan ini.

5. Dengan ini saya dengan segala sukacitanya merasmikan Persidangan Mini Parlimen Malaysia ke-enam ini. Selamat bersidang.